

29 MAY 2003

Mahathir-Keamatan

DR MAHATHIR DAN ISTERI UCAP SELAMAT MENYAMBUT PESTA KEAAMATAN

KUALA LUMPUR, 29 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali mengucapkan selamat menyambut Pesta Keamatan kepada suku kaum Kadazandusun dan Murut yang akan menyambut perayaan itu esok, di Sabah.

Perdana Menteri berkata, hari kebesaran yang disambut bagi merayakan musim menuai bagi suku kaum Kadazandusun dan Murut kini tidak lagi asing bagi kaum-kaum lain di Malaysia dengan kerajaan telah mengiktirafnya sebagai hari perayaan rasmi bagi negeri Sabah.

"Ini membuktikan yang negara tidak mendiskriminasi atau mengetepikan mana-mana suku kaum di Malaysia dalam mempraktikan adat resam, budaya atau kepercayaan masing-masing," katanya dalam perutusan sempena perayaan itu di sini, hari ini.

Menurut beliau, rakyat Malaysia sama ada daripada kaum majoriti mahupun minoriti sebenarnya mempunyai tempat yang sama seperti orang lain dan mendapat layanan yang sama.

Rakyat kita saling hormat menghormati adat resam dan budaya kaum masing-masing dan inilah yang mencorakkan Malaysia sebagai sebuah negara yang unik dan dikagumi masyarakat luar, katanya.

Beliau berkata, Pesta Keamatan dari dahulu lagi diraikan untuk melahirkan rasa syukur masyarakat terbabit atas hasil tuaian yang melimpah dan menyeru agar rakyat bersyukur kerana dapat terus meraikan pesta itu tanpa sebarang halangan.

"Pada hari ini, kita juga harus rasa bersyukur kerana sebagai rakyat Malaysia, kita amat bertuah dapat mengamalkan tradisi dan adat resam serta kepercayaan kita tanpa apa-apa kesulitan atau halangan," katanya.

Sempena perayaan itu, Perdana Menteri turut mengingatkan rakyat Malaysia supaya menggunakan peluang untuk mengenali dan memahami adat resam dan budaya kaum-kaum yang berlainan.

"Marilah kita bertekad untuk terus menjadi rakyat yang bertanggungjawab dan terus memupuk perpaduan dan sikap tolak-ansur yang tinggi kerana kestabilan dan perpaduan kaum adalah kunci kepada kejayaan negara dan kesejahteraan rakyat," katanya.

-- BERNAMA

RAM RAM PR